



## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH MAMPAN KUALA LANGAT TAHUN 2020

Berita lanjut di muka surat 4



- Isi Kandungan / Sidang Redaksi / Perutusan YDP	2
- Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Baharu MPKL	3
- Majlis Penyampaian Anugerah Mampan Kuala Langat Tahun 2020	4
- Pesta Pepahat Dan 3R Pantai Kelanang	5
- Selamat Hari Wanita Sedunia	6
- Kerja-Kerja Sanitasi Di Pasar Awam Telok Panglima Garang - Kerja-Kerja Sanitasi Di Pasar Awam Jenjarom	7
- Jelajah #KitaSelangor Kuala Langat, YAB Dato' MB Selangor	8-9
- Ujian Saringan (Swab Test) COVID-19 Terhadap Peniaga-Peniaga Dan Pekerja Pasar Awam Banting - Kerja-Kerja Sanitasi Di Kawasan Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Langat	10
- Perintah Pengawasan Dan Pelepasan (ANNEX 14 & 17) Di Stadium Jugra - Kerja-Kerja Sanitasi Oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan Persekitaran (JPSPKP) MPKL Di Pasar Awam Banting	11
- Operasi Menyita Bunting Haram	12
- Tindakan Kesalahan Membuang Sampah Haram Oleh Syarikat Eco-Shop Marketing Sdn. Bhd - Siasatan Aduan Kerja-Kerja Bangunan Semasa PKP	13
- Pelaksanaan Program MPP	14-15
- Penutup	16

## AMALKAN SOP COVID-19 DEMI KESEJAHTERAAN BERSAMA



### MEMAKAI PELITUP MUKA



### IMBAS KOD QR



### PENJARAKAN FIZIKAL 1 METER



### PERIKSA SUHU BADAN



### PENGGUNAAN HAND SANITIZER

# PERUTUSAN YDP MPKL



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera*

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan kepada seluruh warga Kuala Langat semoga sentiasa dalam perlindungan Allah S.W.T dan sihat sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita diberi kemudahan dan kesempatan dalam penerbitan buletin MPKL pada kali ini untuk mendapatkan dan menyampaikan informasi. Alhamdulillah MPKL telah diisytiharkan secara rasmi sebagai Majlis Perbandaran pada 9 September 2020.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab terhadap keselesaan, keharmonian dan kesejahteraan penduduknya, pelbagai usaha dilakukan untuk naik taraf kawasan-kawasan MPKL. Pada masa ini, penumpuan sedang diberi terhadap pembangunan dan menaik taraf infrastruktur serta kemudahan seperti, pencahayaan dalam kawasan-kawasan perbandaran, pembinaan dan menaik taraf taman-taman awam dan kemudahan-kemudahan rekreasi lain untuk keselesaan warga Kuala Langat khasnya.

Selain daripada itu, pada ketika ini umum mengetahui bahawa kita belum menang dalam melawan pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, saya juga menyeru kepada semua masyarakat khasnya warga Kuala Langat agar kita sama-sama membendung dan mengawal penularan wabak COVID-19. Amalkan 3W iaitu cuci (*wash*) tangan dengan air dan sabun. Pakai (*wear*) pelitup muka apabila berada di tempat awam. Amaran (*Warn*) iaitu jangan bersalaman, sentiasa duduk di rumah dan dapatkan rawatan segera jika bergejala. Patuhi arahan dan SOP yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Akhir kata, saya amat berharap agar seluruh warga daerah Kuala Langat menjaga keharmonian dan kesejahteraan bersama-sama serta menjalani kehidupan dengan norma baharu.

Sekian, terima kasih.

*"Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari"*

DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

### PENASIHAT

ENCIK MOHD YASIN BIN ALWI, AIS.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

### KETUA PENGARANG

ENCIK HISHAMUDDIN BIN ISMAIL, P.P.T

### PENGARANG

ENCIK MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T

### PENOLONG PENGARANG

ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
ENCIK KHAIRUL ASWADI BIN ABDUL RAZAK

### JURUFOTO

ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
YM RAJA MOHD HAFIZ BIN RAJA BULAT  
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS



## **MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS BAHARU MPKL**

Pada 11 Januari 2021, Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) berlangsung di Bilik Cempaka Kuning, seramai 20 orang Ahli Majlis Baharu telah mengangkat sumpah yang diketua oleh Yang Amat Dihormati Tengku Dato' Mohamed AlHaj bin Tengku Harun Tengku Penggawa Muda, Paduka Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Kuala Langat.

Yang Berbahagia Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Yang Dipertua MPKL, mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik dan mengharapkan agar mereka dapat memikul tanggungjawab yang telah di amanahkan secara profesional dan berintegriti. Dalam situasi pandemik COVID-19 yang semakin meningkat adalah diharapkan semua ahli-ahli majlis mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara serta hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri agar dapat bertugas dengan baik. Majlis Perbandaran Kuala Langat mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang baru dilantik.







## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH MAMPAN KUALA LANGAT TAHUN 2020

Pada 22 Mac 2021, Majlis Penyampaian Anugerah Mampaan Kuala Langat Tahun 2020 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abdul Rahim. Dengan penghargaan ini, ianya menjadi pemangkin dan motivasi dalam usaha mengekalkan momentum kemampaan Kuala Langat bagi menyediakan kehidupan yang kondusif dan berkualiti kepada warga penduduk dan juga menjadikan Kuala Langat sebagai bandar raya yang indah bertaraf antarabangsa, harmoni dan bestari.



## PESTA PEPAHAT DAN 3R PANTAI KELANANG

Pada 28 Mac 2020, Pesta Pepahat dan 3R telah diadakan di Pantai Kelanang. Program ini dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat Tuan Mohd Azrul bin Hashim dan disempurnakan oleh YB. Tuan Ir Izham bin Hashim. Pelbagai Aktiviti yang dijalankan seperti mengutip pepahat, pertandingan mewarna, pertandingan kraf tangan 3R dan jualan "Car Booth".







## SELAMAT HARI WANITA SEDUNIA

Sambutan Hari Wanita Sedunia telah diadakan pada 8 Mac 2021 di ruang foyer MPKL. Majlis ini telah disempurnakan dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abdul Rahim, Yb. Tuan Lau Weng San, Ahli-Ahli Majlis MPKL dan kakitangan MPKL. Diakhir majlis ini, kesemua kakitangan wanita MPKL telah menerima kuntuman bunga ros sebagai simbolik Sambutan Hari Wanita Sedunia.





## **KERJA-KERJA SANITASI DI PASAR AWAM TELOK PANGLIMA GARANG**

Pada 19 Januari 2021, Kerja-kerja sanitasi di Pasar Awam Telok Panglima Garang telah dijalankan di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran. Seramai 5 Orang kakitangan MPKL yang terlibat dalam Operasi ini. Kerja-kerja sanitasi ini bertujuan untuk mengurangkan risiko keberjangkitan wabak COVID-19 disekitar pasar awam ini

## **KERJA-KERJA SANITASI DI PASAR AWAM JENJAROM**

Kerja-kerja sanitasi di pasar awam Jenjarom telah dijalankan pada 19 Januari 2021 di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran. Seramai 5 Orang kakitangan MPKL yang terlibat dalam operasi ini. Tujuan utama semburan sanitasi ini adalah bagi memastikan semua tempat tumpuan pasar awam ini dapat dibersihkan daripada sebarang jenis kuman yang boleh memudaratkan orang ramai







# Jelajah #KitaSelangor Kuala Langat

21 MAC 2021

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR SELANGOR

## **JELAJAH #KITASELANGOR KUALA LANGAT, YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**


Pada 21 Mac 2021, Jelajah #KitaSelangor Kuala Langat bersama YAB Dato' MB Selangor telah diadakan di sekitar Kuala Langat. Sekitar aktiviti sesi pagi Jelajah Kita Selangor di Parlimen Kuala Langat menyaksikan Dato' Menteri Besar mengedarkan kit cecair pembasmi kuman kepada pengunjung serta peniaga di Pasar Awam Banting dan sarapan pagi bersama pemimpin setempat di kediaman ketua kampung Seri Jugra. Turut mengiringi beliau, Ahli Dewan Negeri (ADN) Banting, Lau Weng San dan Timbalan Speaker Dewan Negeri merangkap ADN Morib, Hasnul Baharuddin. Selain itu, Dato' Menteri Besar Selangor turut menyerahkan sumbangan kepada anak yatim di Balai Majlis Perwakilan Ketua Kampung (MPKK) Kampung Sungai Manggis











## UJIAN SARINGAN (SWAB TEST) COVID-19 TERHADAP PENIAGA-PENIAGA DAN PEKERJA PASAR AWAM BANTING

Pada 6 Januari 2021, Ujian saringan (swab test) COVID-19 terhadap peniaga-peniaga dan pekerja pasar awam Banting bersama MPKL dan PKD Kuala Langat. Tujuan Membuat saringan (swab test) COVID-19 dalam kalangan peniaga pasar daerah Kuala Langat ekoran kes positif di Pasar Awam Banting.



## KERJA-KERJA SANITASI DI KAWASAN PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

Pada 6 Januari 2021, Kerja-kerja sanitasi (Semburan Nyahkuman) telah dijalankan di kawasan Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Langat. Kerja-kerja Sanitasi ini bertujuan untuk mengurangkan risiko keberjangkitan wabak Covid-19 disekitar Ibu Pejabat MPKL kerana kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai dalam pelbagai urusan.





## PERINTAH PENGAWASAN DAN PELEPASAN (ANNEX 14 & 17) DI STADIUM JUGRA

Pada 12 Januari 2021, Perintah pengawasan dan arahan pemerhatian bagi kontak jangkitan Covid-19 (Annex14) dan pemakaian gelang pengawasan untuk kontak rapat dan surat pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (Annex 17) dan pembukaan gelang pengawasan untuk kontak rapat di adakan di kawasan parkir Stadium Jugra, Telok Datok. Perintah ini dijalankan oleh PKD Kuala Langat dibantu oleh MPKL, JKR Kuala Langat dan IPD Kuala Langat.



## KERJA-KERJA SANITASI OLEH JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN (JPSPKP) MPKL DI PASAR AWAM BANTING

Kerja-kerja sanitasi (semburan nyahkuman) oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan Persekitaran (JPSPKP) MPKL di pasar awam Banting telah dijalankan pada 12 Januari 2021. Seramai 5 Orang kakitangan MPKL yang terlibat dalam operasi ini. Kerja-kerja Sanitasi ini bertujuan untuk mengurangkan risiko keberjangkitan wabak Covid-19 disekitar pasar awam ini.





## OPERASI MENYITA BUNTING HARAM

Pada 11 Januari 2021, Operasi Menyita Bunting Haram telah dijalankan di Jalan SP 4/29, Bandar Saujana Putra. Cawangan BSP telah menyita sebanyak 17 bunting haram disepanjang Jalan SP4/29. Jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan dibawah kesalahan UUK7, UUK/Iklan kerana mempamerkan iklan bunting tanpa lesen daripada MPKL.



合法貨  
PINJAMAN BERLESEN  
RM 1,000 DAPAT RM 1,000  
RM 8,000 DAPAT RM 8,000  
RM 18,000 DAPAT RM 18,000  
017 677 4491  
比一比我们的价格  
BANDINGKAN HARGA KAMI





## TINDAKAN KESALAHAN MEMBUANG SAMPAH HARAM OLEH SYARIKAT ECO-SHOP MARKETING SDN. BHD

Pada 18 Januari 2021, Cawangan Bandar Saujana Putra MPKL telah mengenakan tindakan kesalahan membuang sampah haram oleh Syarikat Eco-Shop Marketing Sdn.Bhd. di Kawasan larangan membuang sampah Jalan SP 5/1, Bandar Saujana Putra. Satu notis kesalahan telah dikeluarkan dibawah kesalahan UUK 3 (a) dan UUK/ Mencegah Kekotoran, kerana membuang sampah di kawasan yang bukan dikhaskan membuang sampah

## SIASATAN ADUAN KERJA-KERJA BANGUNAN SEMASA PKP

Pada 29 Januari, Cawangan Bandar Saujana Putra MPKL telah menjalankan siasatan aduan kerja-kerja bangunan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Jalan Sp 9/34, Bandar Saujana Putra. Seramai 3 orang penguatkuasa MPKL, 5 anggota PDRM, dan 2 anggota Rela dan diketuai oleh Ketua Pejabat Bandar Saujana Putra, Encik Wan Putra Noor Shahan. Hasil daripada siasatan, pihak MPKL mengeluarkan satu notis kesalahan dan 1 notis pemberitahu di bawah kesalahan Seksyen 79(1), Akta 133 kerana membuat perubahan dalam dan memberhentikan kerja-kerja binaan tersebut dengan serta-merta.



## PROGRAM/AKTIVITI MPP



**20 JANUARI 2021**  
Sumbangan 5000 3-Ply  
Medical Masks Kepada  
Anak Murid SMK Teluk  
Panglima Garang



**26 JANUARI 2021 - MPP  
ZON 19**  
Sumbangan Bantuan  
Kemanusiaan Sempena  
Tahun Baru Cina kepada  
Persatuan Penganut  
Dewa Hock Lock Tong  
Banting, Kuala Langat



**27 JANUARI 2021**  
Program Mesra Rakyat  
Sempena Tahun Baru  
Cina 2021



**28 JANUARI 2021**  
Mesra Dengan Ketua  
JKKK Taman Palas



**1 FEBRUARI 2021**  
Program Agihan Limau  
Sempena Tahun Baru  
Cina 2021



**8 FEBRUARI 2021**  
Program Sumbangan  
Bantuan Sempena Tahun  
Baru Cina 2021



**9 FEBRUARI 2021 - MPP  
ZON 19**  
Sumbangan Kewangan  
Untuk Mangsa Ribut



**18 FEBRUARI 2021 - MPP  
ZON 19**  
Sumbangan Kewangan  
Untuk Gerak Kerja Lions  
Club of Kuala Langat  
Central



**24 FEBRUARI 2021**  
Sanitasi Kawasan Sekolah  
Menengah Kebangsaan  
Batu Laut



# PROGRAM/AKTIVITI MPP



**28 FEBRUARI 2021**  
Kempen Sumbangan  
Pakaian Dan  
Kelengkapan Sekolah  
"Give And Take"



**28 FEBRUARI 2021**  
Sanitasi Masjid  
Kampung Kundang



**8 MAC 2021**  
Program Hari Wanita  
Sedunia 2021



**11 MAC 2021**  
Sumbangan COVID-19



**13 MAC 2021 - MPP ZON 7**  
Mesyuarat MPP ZON 7 Bil 1  
Tahun 2021



**27 MAC 2021**  
Program Bantuan  
COVID-19



# AKTIVITI SKUAD PANTAS MPKL



**31 Januari 2021**  
Pokok Tumbang  
Di Jalan Intan  
Sungai Jarum



**11 Februari 2021**  
Pokok Tumbang  
Di Taman Banting Baru



**17 Februari 2021**  
Pokok Tumbang  
Di Bukit Jugra



**25 Februari 2021**  
Kebakaran Hutan  
Di Sungai Pelek



**26 Februari 2021**  
Pokok Tumbang  
Di Telok Panglima Garang



**16 Mac 2021**  
Pokok Tumbang  
Di Banting

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat  
Majlis Perbandaran Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304  
E-mel : admin@mpkl.gov.my , aduan@mpkl.gov.my  
Laman Sesawang : www.mpkl.gov.my